

339-107/79

UCAPAN RENGKAS Y.A.B. TIMBALAN PERDANA
MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
PERJUMPAAN DENGAN WAKIL-WAKIL RAKYAT
BARISAN NASIONAL DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN
TEMPATAN DI BILIK GERAKAN NEGARI, PADA
9HB MAC, 1975 JAM 3.00 PETANG.

Dialog di Alor Star 9.3.76.

M.D 1. Perantaraan Perikatan atau Baitan nasional
majlis Pempatan Ag. Petani.
Jawatankuasa Kempong.

2. MB Seloran air - JPT

~~Ag~~ Bekalan air

" elektrik. - $\frac{1}{3}$ $\frac{1}{3}$ $\frac{1}{3}$

L.P.P.

(akan bertang M.A.S) - M.A.S - flight tidak cukup - ke Alor Star.

(akan siasat dgn Bank Negara) - Quit siling tidak cukup - ganti wang helik.

Agency kpd Bempuitra - tiada bantolangan
finance.

(what Delik Ghani bilang informed me) - Teksi lesen - parajurit.

3. MB Tali Air - Bukit Meriam.

4. (a) Kenapa Baitan nasional tidak bertanding di menggelembu.

(b)

Y.A.B. Menteri Besar Kedah,
Yang Bernormat—Yang Bernormat,
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bercadang supaya perjumpaan pada petang ini dijadikan sebagai Mailis Dailog, dimana kita bolen bertukar-tukar fikiran secara berterus terang. ~~Tetapi~~ *sebelum itu, benarkah saya mambui sepatah dua kata.* ~~sebelum saya memberi peluang kepada saudara-saudara mengemukakan soalan-soalan, saya sukalah menyampaikan sedikit ^{persembahkan saya.} ucapan.~~

2. ~~Terlebih dahulu~~ **Saya sukalah** mengucapkan terimakasih kepada Y.A.B. Menteri Besar dan Ahli Jawatankuasa Barisan Nasional Negeri Kedah, kerana mengatitkan perjumpaan petang ini, memberi peluang kepada saya menemui pemimpin Parti yang bergabung dalam

Akan
bertanya
HB Johor
& Pahang)

5. Orang dari Kedah boleh berhijrah ke Endau, Johor.
Dan juga berhijrah ke Pahang.

6. Lambat dapat balik wang yang
terbayar lebih dari orang bpd berajaan.

Hingga ini tidak tahu apa buku Thejan.

- Laporan kena hantar sejong bulan Feb.

7. Perkhidmatan Bas - Bas MARA kurang memuaskan,
selalu rosak.

Akan Bas MARA diteb demahkan
kayada orang ramai.

Kekurangan T. Anadi JKR.

8. masalah Ali Baba - kurang layanan bpd
bermiputia.

Lambat bayaran bpd
contractor.

9. Sg Patani - kilang² tidak mengambill penuntut
dari sekolah kebangsaan.

Barisan Nasional. Perjumpaan seperti ini amatlah berfaedan kepada saya, kerana disamping dapat berkenalan dengan pemimpin-pemimpin serta bertukar-tukar fikiran, saya juga boleh mengetahui sedikit sebanyak masaaalah dan kesulitan yang dinadapi oleh pemimpin tempatan dalam menjalankan kewajipan dan tugas mereka.

3. Sebagaimana kita semua maklum, selepas diberi mandat oleh rakyat dalam Pilinanraya enam bulan lalu, tanggungjawab kita adalah amat berat, bagi memenuhi hasrat dan kenendak rakyat yang telah menyokong kita memegang teraju kerajaan hari ini. Harapan rakyat amatlah tinggi, terutama mereka dari kawasan-kawasan luar bandar, ternadap kebolehan dan kemampuan kerajaan membawa

kemajuan dan kebahagiaan. Dari itu, janganlah pula kita mengecewakan harapan mereka itu. Kita janganlan terbawa-bawa dengan kemenangan cemerlang kita, tetapi sebaliknya hendaklan berusaha sedaya upaya kita untuk memenuhi kehendak dan keperluan rakyat itu.

Saudara-saudara sekalian,

4. Tidak berapa lama lagi kita akan mengnadapi satu pilinanraya kecil Majlis Undangan Negeri Kedah, bagi kawasan Merbok. Jika ada pertandingan, mungkin ini akan menjadi satu penilaian bagi kita mengetahui tentang sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional, selepas enam atau tujuh bulan kita telah berkuasa. Biasanya, penilaian ini

adalah berasaskan kepada kepercayaan pengundi-pengundi terhadap wakil rakyat dari parti kita, yang telah dipilih ke kawasan tersebut pada masa yang lalu. Tetapi bukan hanya setakat ini sahaja penilaian-nilaian yang akan dibuat oleh rakyat, bahkan keseluruhan 'performance' kerajaan juga, akan menjadi tumpuan. Oleh kerana ini adalah merupakan pilihanraya kecil yang pertama bagi negeri Kedah, maka haruslah menjadi satu cabaran kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional disini, untuk mengukuhkan kedudukan mereka, supaya pimpinan mereka itu benar-benar berkesan, bukan sahaja di peringkat negeri, bahkan menyeluruh sehingga ke peringkat-peringkat bahagian dan cawangan.

Saudara-saudara sekalian,

5. Di sini, saya bukanlah hendak membangkit-bangkitkan peristiwa Baling, tetapi memandangkan kepentingan imej kita, saya sukalah mengingatkan kepada pemimpin-pemimpin UMNO khasnya, dan Barisan Nasional amnya, bahawa masalah pencalunan kepada pilihanraya kecil Majlis Undangan Negeri Kedah bagi kawasan Merbok, janganlah sekali lagi menjadi punca pergolakan dan penentangan oleh pemimpin dan penyokong-penyokong tempatan.

6. Sungguhpun hari penamaan calon belum lagi diistiharkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, saya mendapat tahu sebilangan orang dari Kedah telahpun datang ke Kuala Lumpur membuat lobi.

7. Kita harus ingat bahawa peristiwa yang berlaku di Baling baru-baru ini, adalah ikutan dari masalah calon dalam pilihanraya bulan Ogos lalu. Saya memanglah tidak ingin perkara seperti ini berulang di tempat-tempat lain pula. Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, kita harus sentiasa berwaspada, dan ~~jangan~~^{hanya} mengambil tindakan-tindakan yang pada kajian kita, boleh memperkukuhkan kedudukan pimpinan kita. Saya telah berkata dengan panjang lebar dalam perkara ini di Baling pada bulan lalu, dan tidaklah berhajat hendak menyentunnya lagi. Tetapi saya berpendapat bahawa, kita tidak seharusnya memaksa seseorang calon pilihan kita untuk bertanding dalam sesuatu pilihanraya atau pilihanraya kecil, jika calon tersebut tidak boleh diterima oleh

penyokong-penyokong tempatan yang akan memilih wakil rakyat mereka sendiri. Kita mestilah mengkaji dengan sehalus dan sedalam-dalamnya sebelum membuat sesuatu keputusan memilih seseorang calon itu. Kita mestilan menjaga dan menghormati kepentingan penyokong-penyokong tempatan lebih daripada kepentingan diri kita sendiri. Itulah sebabnya saya menekankan bahawa sebagai pemimpin yang bertanggung jawab, kita hendaklah benar-benar memahami hakikat ini, supaya segala tindak-tanduk kita tidak akan menyinggong dan mengecewakan harapan penyokong-penyokong kita khasnya, dan rakyat jelata amnya.

Saudara-saudara sekalian,

8. Sepatutnya, perpaduan dan kekuatan sesuatu parti itu, digembelingkan seluruhnya di masa pilihanraya atau pilihanraya kecil, kerana inilah masanya bagi kita menunjukkan keutuhan dan kesetiaan yang tidak berbelan bagi. Tetapi sebalik atau melangnya, setiap kali diadakan pilihanraya atau pilihanraya kecil, terdapat pergolakan dan penentangan kepentingan antara pemimpin-pemimpin tempatan, yang mengakibatkan timbulnya puak-puak dalam parti kita sendiri. Ini tentulan menimbulkan suasana yang tidak sinat, terutama bagi negeri-negeri seperti negeri Kedah ini, di mana masin lagi terdapat ancaman dari pengganas-pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional, yang sentiasa menunggu peluang untuk

menanggok di air yang keroh dan mengambil kesempatan ini untuk menjalankan jarum mereka bagi mencapai matlamat akhir mereka itu. Saya harap kita tidak akan menjadikan diri kita mangsa bagi maksud jahat mereka itu.

9. Saya memberi ingatan ini kerana ada beberapa kejadian ^{keselamatan} yang tidak begitu menyenangkan berlaku dikawasan sebelah sini baru-baru ini. Dari itu, saya sukalah menyeru semua pemimpin-pemimpin yang ada di perjumpaan ini ~~petang ini~~ supaya sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba hendak menimbulkan salahfaham di kalangan rakyat jelata. Adalah penting bagi kita mengekalkan perpaduan kaum supaya Malaysia dapat terus kekal dalam aman dan bahagia.

*chadang**chadangkau kita*

10.

Dengan ini saya ~~dengan sukacitanya~~*mulakan dialog kita.*~~mempelawa soalan-soalan dari tuan-tuan~~~~dan puan-puan sekalian dan seterusnya berdialog.~~



No Siri 145
No Penerimaan 7/79